

Suka beli alat solek

Siswi puas berusaha buang tabiat buruk tetapi sia-sia

KAUNSELING REMAJA

Prof Madya Datin
Dr Sapora Sipon
reecana@metro.com.my

? Saya siswi di sebuah universiti tempatan. Mengam menjadi lumrah seorang perempuan ingin kelihatan cantik dan menawan.

Masalahnya, saya cepat terpengaruh dengan produk kosmetik yang dijual di pasaran. Apabila melihat kawan membelinya, pasti saya juga berbuat demikian, apatah lagi melihat keberkesannya.

Saya banyak menghabiskan wang ringgit dengan membeli benda seperti itu.

Saya juga takut jika hal ini melarat sehingga boleh menjejaskan kesihatan dan kewangan saya.

Sebelum ini, saya sudah

berusaha menghakis sifat buruk ini tapi setakat ini masih sama dan tidak berubah. Saya ingin meminta nasihat bagaimana mengawal tingkah laku ini.

MUDAH TERPENGARUH,
Melaka

! Dr memahami perasaan dan masalah adik. Mengam menjadi lumrah manusia terutama wanita yang ingin sentiasa tampil cantik dan menawan.

Cantik dan ingin kelihatan anggun tidak boleh dipisahkan daripada kaum hawa kerana ini adalah fitrah manusia.

Cuma, apa perlu adik fikirkan ialah bagaimana cara untuk menguruskan perkara ini. Setiap perkara yang kita lakukan dalam kehidupan ini menuntut perancangan teliti



ti sama ada tenaga, wang ringgit dan masa.

Mengenal masalah ini, Dr sarankan adik sentiasa berfikir kesan yang ditanggung apabila melakukan sesuatu perkara.

Sebagai contoh, adik perlu fikirkan masalah kewangan jika selalu berbelanja mengikut kawan.

Memang untuk cantik, seseorang itu perlu mengorbankan wang tapi apakah berbaloi sehingga menghadapi masalah kewangan demi untuk kelihatan cantik atau menjejaskan prestasi pengajian di universiti?

Perlu diingat setiap apa yang adik lakukan di dunia ini pastinya mempunyai sebab dan akibatnya.

Dalam setiap tindakan, kita wajar memikirkan kesan yang akan ditanggung sebelum membuat apa-apa keputusan.

Senaraikan kesan baik dan buruk jika keputusan itu diambil.

Pesan Dr, jangan mudah terpengaruh dengan kawan dalam semua tindakan. Usah hanya melihat kesan jangka pendek tetapi renung juga kesan jangka panjang.

Ini sangat penting kerana ia mampu memberi impak yang besar dalam kehidupan adik. Dr bersetuju dengan kesan dari segi kesihatan yang adik maklumkan itu.

Setiap produk yang dihasilkan mempunyai proses yang tersendiri dan semestinya bahan yang digunakan mempunyai tindak balas kimia yang adik sendiri tidak tahu kesannya.

Justeru, sebelum membeli sesuatu produk, teliti dulu bahan yang digunakan bagi mengelak sebarang masalah nanti.

Semoga adik kuat untuk menghadapi perubahan kelak dan jangan mudah berputus asa. Kuatkan semangat dan semoga adik berjaya dalam kehidupan.

Takut tak ada jodoh

? Saya siswi di sebuah institusi pengajian tinggi tempatan. Masalah saya ialah sering memikirkan siapakah kelak yang bakal menjadi teman hidup.

Semua rakan mempunyai teman lelaki dan ini membuatkan saya cemburu. Jauh di lubuk hati bilakah agaknya saya akan mempunyai pasangan hidup.

Saya tahu mungkin masih terlalu awal untuk memikirkan hal itu, tapi saya agak gusar. Pernah ibu saudara memberitahu tidak perlu gopoh untuk mencari pasangan hidup pada usia muda.

Mereka mahu saya tumpukan kepada pengajian kerana jodoh akan datang kemudian. Saya tidak menyokong dan mengiakkannya.

Saya merasakan sukar menemui pasangan hidup disebabkan masalah bibir sumbing. Namun, saya bukan menyalahkan Allah.

Tapi saya gusar memikirkan masa depan. Adakah lelaki yang inginkan saya sebagai bakal isterinya dengan kecacatan sedia ada ini?

HATILARA,
Perlis

! Terima kasih kerana sudi berkongsi masalah adik. Pertama, syukur ke-

pada Allah kerana adik masih diberi nikmat kehidupan ini.

Mengam fitrah manusia ciptaan Allah untuk berpasangan. Apa yang dirasai adik juga dirasai orang lain yang senasib.

Adik tidak perlu bimbang kerana jodoh kita sudah ditentukan sejak azali lagi.

Tuhan yang Maha Mengetahui mengenai pasangan yang sesuai dengan kita menurut pertimbangan-Nya.

Namun kekurangan paras rupa atau kecacatan fizikal bukan penghalang untuk memilih pasangan.

Islam mengutamakan agama dan budi pekerti berbanding kecantikan fizikal. Adik tidak perlu bimbang tetapi jangan lupa berusaha, insya-Allah akan bertemu jodoh kelak.

Pertamanya, adik senaraikan ciri-ciri pasangan idaman adik seperti beriman, bertanggungjawab dan penyayang.

Adik sendiri perlu amalkan sifat itu sebelum memiliki pasangan diingini. Ini dinamakan kaedah menjadi 'magnet positif' untuk menarik insan yang positif.

Insya-Allah, selain mendapat pasangan yang baik, adik juga mendapat rakan atau orang sekeliling yang baik dalam hidup.